

anjuan

Akademi Seni Kebangsaan
mempersembahkan

teater

MAK YONG

DEWA MUDA 2

arahan: engku normalareesa engku malik koreografer: noor hayati zakaria
pemuzik jemputan: ibrahim senik, che mohd nasir yusof & ismail mamat



kata alu-aluan pengarah ASK

Selaras dengan matlamat Akademi Seni Kebangsaan yang antara lainnya berusaha untuk memulihara, memperkenalkan semula dan mengembangkan lagi kesenian tradisional Melayu kepada masyarakat umum, teater-tari Mak Yong sekali lagi dipersembahkan kepada khalayak sebagai salah satu produksi kursus oleh para pelajar. Persembahan pada kali ini memperlihatkan kesungguhan kami untuk meneruskan kesinambungan usaha yang telah dimulakan sejak beberapa tahun lalu, terutama sejak ASK ditubuhkan pada 1994. Sehingga kini, lima pementasan Mak Yong telah dipersembahkan oleh para pelajar ASK, dengan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Ini menjadikan ASK satu-satunya institusi pengajian tinggi di negara ini yang mengangkat martabat Mak Yong ke satu peringkat tertinggi, sebagai kursus teras yang wajib diikuti oleh pelajarinya.

Sebagai suatu bentuk seni persembahan yang menggabungkan semua elemen seni lakon, tari, muzik dan nyanyi, tidak dinafikan lagi bahawa Mak Yong merupakan kesenian tradisional yang paling indah dan menarik pernah tercipta di rantau ini. Justeru itulah kami di ASK sentiasa mempertingkatkan usaha untuk memperlihatkan kehalusan serta "kemewahan" seni ini melalui pementasan-pementasan yang dilakukan. Usaha yang didokong bersama tenaga pengajar dan para pelajar ini diharap akhirnya akan membuahkan suatu hasil yang sangat berkesan di kalangan khalayak seni tanah air. Sekurang-kurangnya harapan kami ialah untuk memastikan kesenian ini dapat dilihat oleh generasi yang akan datang, sebagaimana ia dipersembahkan sejak abad ke - 17 lalu.

Saya mengucapkan syabas dan tabriah kepada tenaga

kata alu-aluan penyelarass projek

Sejak pementasan *Anak Raja Gondang I* pada tahun 1997, ASK telah berjaya mengangkat lima persembahan Mak Yong melalui produksi kerja kursus para pelajarnya. Kesemua pementasan yang lalu telah mendapat sambutan yang sangat hebat dengan khalayaknya terdiri daripada masyarakat yang berbeza latar umurnya. Ini memperlihatkan betapa kesenian tradisional Melayu masih mendapat tempat di kalangan khalayak tempatan, dan diharap akan terus diminati melalui usaha-usaha seperti ini.

Seperkara yang sangat dikesalkan dan mendukacitakan kami di ASK khususnya ialah kepergian (yang terlalu awal) Primadona Mak Yong yang tidak asing lagi - Seniman Negara Khatijah Awang pada tahun lalu. Inilah pertama kali persembahan Mak Yong oleh ASK berlangsung tanpa sentuhan ajaib “ Mak Jah “, meninggalkan sedikit kesan kesepian dan kesayuan. Sebagai Adiguru di ASK, kehilangan “Mak Jah” diratapi bukan sahaja oleh kaum keluarganya, malah di kalangan tenaga pengajar dan anak-anak muridnya di ASK serta lulusan yang pernah terlibat dalam pementasan Mak Yong.

Mujurlah bakat dan kebolehan Mak Jah dalam kesenian Mak Yong ini telah diwariskan dengan baiknya kepada dua generasi selepas beliau, iaitu anak serta cucu perempuannya. Melalui merekalah kesenian ini diharap akan dapat dipastikan kesinambungannya, meskipun berkemungkinan tidak dalam bentuk yang asli seratus peratus, lantaran ketiadaan sumber rujukan utama. Namun, sekurang-kurangnya kami di ASK telah berusaha membentuk para

pengenalan akademi seni kebangsaan

ASK ditubuhkan di atas kesedaran perlunya ada sebuah institusi pengajian tinggi yang memberikan ilmu, latihan dan bimbingan secara formal dalam bidang kesenian bagi menyokong usaha-usaha pembangunan kesenian yang selaras dengan pembangunan sosio-ekonomi negara bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang lebih mantap dan berketrampilan.

Matlamat ASK adalah melahirkan golongan karyawan dan artis yang berilmu serta professional. Berdasarkan penubuhannya juga ASK berhasrat membangunkan kesenian negara agar dapat dijadikan sumber rujukan dan pusat etnologi kesenian negara.

program teater akademi seni kebangsaan

Memberi peluang kepada mereka yang bercita-cita untuk mengembangkan bakat dan memahirkan diri dalam bidang teater. Pengisian kursus membekalkan kemahiran dan pengalaman secara mampan berdasarkan keperluan industri seni persembahan. Kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi akan membolehkan graduan teater bergiat atau bekerja mengikut pilihan dan kemahiran dalam bidang-bidang berikut :

Lakonan, Pengarahan, Rekaan serta Pembuatan Kostum, Hiasan, Rekaan serta Operasi Tatacahaya, Rekaan serta Pertukangan Set dan Prop, Pengurusan Pentas, Pengurusan

teater tradisional

mak yong

pengenalan

Mak Yong berasal daripada perkataan Mak Hiang, iaitu "semangat padi yang juga dikenali sebagai Dewi Sri. Mak Yong merupakan persembahan dramatari tradisional Melayu Kelantan yang mengabungkan elemen seni tari, suara, lakon, lawak jenaka dan muzik.

Mengikut catatan awal, Peter Florist, seorang pedagang Eropah pernah menyaksikan kesenian ini di istana Raja Perempuan Pattani pada tahun 1613.

Di Kelantan, Mak Yong menjadi kesenian di istana semasa pemerintahan Sultan Mahmud IV (1900-1920) dan kemudiannya Sultan Ismail. Teater tradisional ini seterusnya dihidupkan kembali oleh Tengku Zainal Ghaffar II yang dikenali sebagai Tengku Temenggong.

Pada tahun 1969, beberapa orang tokoh budaya (antaranya Tan Sri Mubin Sheppard) dan pembesar di negeri Kelantan berusaha untuk mengekalkan warisan ini, dan usaha itu telah terbukti apabila Mak Yong masih bernafas hingga ke hari ini.

teater Mak Yong di Akademi Seni Kebangsaan

Mulai 1996, teater Mak Yong diperkenalkan sebagai satu kursus wajib bagi pelajar-pelajar ASK sebagai usaha mengembalikan kegemilangan Mak Yong yang semakin dilupakan oleh generasi masa kini. Pembelajaran yang melibatkan kuliah teori dan praktikal dibahagikan kepada dua semester di mana penumpuan mengenai sejarah dan asas elemen-elemen seni Mak Yong dilakukan di semester pertama dan di semester kedua mengkhusus kepada produksi Mak Yong.

Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi pelajar-pelajar akan diakhiri dengan sebuah produksi kepada khalayak dengan objektif :

1. Usaha memulihara dan mempertahankan warisan seni Mak Yong dapat dikongsi bersama dengan orang ramai.
2. Memperlihatkan elemen-elemen keindahan, kehalusan dan estetika teater tradisional Mak Yong secara langsung.
3. Memberi ruang kepada teater tradisional yang sama penting dengan teater moden menemui khalayak dan diaktifkan secara berterusan.
4. Memperlihatkan suatu bentuk teater kepada khalayak untuk menilai, mengapresiasi serta mendapat pengalaman baru melalui Mak Yong.

Sejak Mak yong diperkenalkan sebagai kursus wajib akademi,ASK telah berjaya mementaskan sebanyak 4 produksi MakYong iaitu :

perluasan Mak Yong

Selain menjadi tempat rujukan, dari semasa ke semasa Akademi Seni Kebangsaan mengadakan kursus-kursus jangka pendek seperti bengkel, seminar dan dialog mengenai teater Mak Yong.

Sambutan yang menggalakkan terhadap kesenian Mak Yong pada waktu terdekat khususnya di Kuala Lumpur telah memberi jalan kepada ASK untuk mengekalkan Mak Yong sebagai kursus wajib di ASK dan mulai tahun 2000 diperluaskan lagi dengan membuka kursus ini kepada orang awam melalui program pelajar separuh masa.

Melalui program pelajar separuh masa, orang awam yang berminat boleh mengikuti kursus Mak Yong dengan mendaftar sebagai pelajar separuh masa dan menghadiri kuliah sebanyak dua kali seminggu serta mengikut jadual latihan intensif semasa produksi akan diadakan.

Bagi tujuan ini seorang pelajar separuh masa perlu membayar :

Yuran Pendaftaran

sebagai seorang pelajar separuh masa ASK sebanyak **RM 200.00**

Yuran kursus

Mak Yong bagi satu semester dengan 2 unit kredit **RM 150.00**

JUMLAH

produksi Mak Yong ASK

Setiap pembelajaran Mak Yong di ASK akan diakhiri dengan sebuah produksi dengan cerita terpilih. Produksi akan dilaksanakan oleh pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sebagai kerja kursus bersifat praktikal di mana teori dan latihan studio akan diangkat ke pentas. Selain kerja-kerja kreatif seperti senireka kostum, solek dan tatarias, produksi juga melatih pelajar dari aspek pengurusan dan pentadbiran yang melibatkan urusan panggung, protokol, publisiti dan pemasaran, kajian dan dokumentasi.

penyelidikan dan dokumentasi

Akademi Seni Kebangsaan juga menggalakkan kajian cara dan penyelidikan mengenai Mak Yong. Pada tahap ini ASK sedang berusaha untuk mengumpul bahan sedia ada melalui koleksi pakar bidang dan merancang menerbitkan album nyanyian/muzik Mak Yong. ASK juga bercadang menerbitkan skrip, buku atau makalah yang berkaitan dengan Mak Yong sebagai memenuhi keperluan pusat sumber ASK dan kegunaan awam.

penutup

Perhatian dan minat terhadap seni Mak Yong adalah sumbangan besar kepada pembangunan budaya. Sebarang bentuk bantuan dan sokongan dari mana-mana pihak bagi mengimarakkan seni ini merupakan usaha murni mermartabatkan akar budaya Malaysia ke tahap unggul dan berani. Berdasarkan penerangan di atas beberapa kategori

watak

Dalam persembahan Mak Yong terdapat beberapa watak penting iaitu:-

- Pak Yong** - Raja atau Pemerintah serta menjadi tulang belakang cerita.
- Pak Yong Muda** - Watak utama. Biasanya cerita Mak Yong berkisar terhadap kehidupannya.
- Mak Yong** - Permaisuri dan dalam sesetengah kisah memegang watak yang penting.
- Puteri Mak Yong** - Heroin dalam cerita Mak Yong.
- Peran Tua** - Pelawak, orang suruhan raja dan biasanya memegang watak yang lebih penting dari peran lain.
- Peran Muda** - Pelawak
- Inang** - Pengasuh Puteri
- Dayang** - Watak yang bertindak sebagai penari atau pengiring Mak Yong atau Puteri Mak Yong.

Selain daripada watak-watak di atas terdapat juga watak lain iaitu seperti Raia Jin yang merupakan pihak lawan

pakaian

Biasanya pakaian watak-watak adalah lengkap dan mahal. Setiap watak mempunyai pakaian yang telah tersedia walau untuk apa cerita sekalipun.

Pak Yong dan Pak Yong Muda

Kedua-duanya mempunyai kelengkapan yang sama iaitu Setanjak yang di perbuat daripada baldu kapas khas dengan hiasan manikam yang berkilauan. Beberapa kuntum bunga di hiasi di bahagian atas setanjak serta beberapa ikat bunga melur di gantung pada atas telinga kiri. Kedua-duanya memakai baju sutera yang di jahit dengan kemas, tidak berkolar serta berlengan pendek. La atau hiasan yang diperbuat dari manik-manik dan labuhnya hingga menutupi dad di pakai di atas baju. Di pergelangan tangan mereka pula memakai tali tangan emas.

Mak Yong dan Puteri Mak Yong

Mereka memakai pakaian yang hampir sama juga. Biasanya mereka memakai kebaya sutera dan berkerongsang emas serta berpermata. Kain diperbuat dari sutera dan di kemas dengan tali pinggang. Biasanya pending berbatu permata akan dipakai di luar kebaya. Hiasan yang di pakai adalah pemelih iaitu didahi, tali tangan emas, gelang kaki emas dan cincin.

Peran Tua dan Peran Muda

Mereka sekadar memakai baju pendek biasa, kain sarung serta sepasang seluar besar. Mereka juga memakai baju songkok atau kopiah. Disamping itu tersedia kain semutar di leher dan kadangkala boleh dililitkan di

peralatan muzik dan lagu

Muzik merupakan antara unsur yang paling penting dalam persembahan Mak Yong iaitu mengiringi tarian serta nyanyian. Alunan muzik terutamanya daripada Rebab di gunakan untuk memaklumkan kepada penonton bahawa pementasan akan bermula. Selain itu menggambarkan suasana emosi dan perasaan adegan serta pelakon. Perkara yang paling penting ialah muzik permulaan dan penamatan adegan serta keluar-masuk pelakon.

Peralatan muzik Mak Yong adalah sebuah **rebab**, sepasang **gendang** (ibu dan anak), sepasang **geduk** (ibu dan anak), sepasang **tetawak** (ibu dan anak), sepasang **gedombak** (ibu dan anak) **serunai**, **canang** dan **kesi**.

Manakala lagu-lagu yang biasanya terkandung dalam Mak Yong adalah **lagu bertabuh**, **mengadap rebab**, **sedayung pak yong**, **kisah barat**, **barat cepat**, **lagu berkhabar**, **lagu saudar**, **lagu mengambur**, **lagu mengulik**, **lagu ela** dan sebagainya.

pementasan dewa muda 2 sinopsis

Ramalan akan bertemunya **Puteri Ratna Mas**, anak **Raja Bota** di kayangan dalam DEWA MUDA 1 telah membawa Dewa Muda dan kekandanya, **Awang Si Jambul Lebat** ke kayangan dengan meniti tali Wau Beremas yang tersangkut di taman Raja Bota

DEWA MUDA 2 pula mengisahkan tentang **Puteri Ratna Mas** yang mula tertarik pada Dewa Muda dan untuk mengelak dari di ketahui ayahanda dan bondanya, **Puteri Ratna Mas** telah menyembunyikan Dewa Muda di bilik peraduannya dengan menukarkan Dewa Muda menjadi bunga putih. Kasih mereka kian mesra, sehinggalah **Inang Bongsu** mula mengesyaki sesuatu setelah makanan yang selalu di hidangkan kepada **Puteri Ratna Mas** lebih dari sepatutnya. **Inang Bongsu** mula bertindak dengan memasang perangkap Belatik Mbak.

Setelah mendapati adindanya pengsan terkena belatik mbak, **Awang Si jambul Lebat** cuba memulihkannya tetapi gagal, lalu Dewa Muda di bawa turun ke bumi dan dikhabarkan kepada bondanya, **Puteri Selindungan Bulan**. Urusan pengebumiannya sedang berlangsung dan tiba-tiba muncul **Puteri Ratna Mas** yang menjelma sebagai bomoh bersama **Inang Bongsu**. Tersedarnya Dewa Muda yang disangka mati dari Keranda Bermas telah menggembirakan semua tetapi pada akhirnya ada suara ghaib yang memberitahu mereka yang **Puteri Ratna Mas** dan Dewa Muda sebenarnya adik-beradik



sinopsis



objektif

- Menilai kemampuan para pelajar mengendalikan sebuah produksi dari segi lakonan dan pengurusan di bawah bimbingan individu yang berpengalaman.
- Mengangkat teater tradisional sebagai pendedahan berguna para pelajar ASK, khususnya terhadap khalayak teater di Malaysia bagi mengimbangi pengetahuan terhadap teater moden serta klasik.
- Sebagai cabang untuk mengkaji perwatakan dan unsur-unsur tradisi bagi melaksanakan sesebuah pementasan tradisional secara terperinci.
- Sebagai perintis kepada pementasan seterusnya setelah beberapa pementasan sebelumnya berjalan secara sederhana
- Selain itu melahirkan pelajar yang celik karya dan bijak minda untuk menangkap ilmu lisan dalam teater tradisional.

pembimbing lakonan



ENGKU NORMALAREESA ENGKU MALIK - mendalami bidang kesenian di Akademi Seni Kebangsaan dalam program Diploma Teater dan sekarang sedang melanjutkan pembelajaran di UITM dalam Ijazah Seni Layar serta menjadi jurulatih sambil di ASK. Penglibatannya dalam bidang seni beremula sejak kecil lagi. Selain itu beliau juga banyak terlibat dalam lakonan, tarian, pengurusan serta pengarahannya di Akademi Seni Kebangsaan. Antara aktiviti pengarahannya yang pernah dilaksanakan adalah seperti Suara-suara Mati, Titik Semalam dan Monolog "Tapoh Manja". Selaku pembimbing lakonan dalam Dewa Muda II, beliau mengatakan bahawa ini merupakan satu tanggungjawab yang amat berat dan memerlukan satu perhatian yang amat terperinci terhadap persembahan yang akan dilakukan oleh pelajar-pelajar yang dibimbing dari segi lakonan, nyanyian dan juga dari aspek produksi.

pereka tari



NOOR HAYATI BT. ZAKARIA - Anak bekas Seniwati Negara ini bergiat aktif dalam teater mak yong semenjak berusia 15 tahun. Beliau pernah bekerja sebagai Artis Budaya selama 10 tahun iaitu dari 1984 sehingga 1994, jurulatih tari Yayasan Seni Berdaftar jurulatih tari

pelakon utama




MARLENNY DEEN ERWAN - watak Dewa Muda baginya merupakan satu simbol semangat jati diri dan akar umbi manusia. Pelajar Program Penukisan Kreatif Tahun II ini banyak terlibat dalam produksi ASK dan luar, sama ada dalam bidang lakonan mahupun pengurusan. Antaranya:- BAGATON, INKARNASI, TOK PERAK, LINA AND LIJAH serta MEDEA.



NOR HIDAYAH ASARI - baginya perwatakan Puteri Ratna Mas memerlukan penelitian di samping pemahaman terhadap watak yang merupakan anak kepada Maharaja Bota. Penglibatannya dalam produksi ASK, khususnya dalam pengurusan produksi amat membanggakan. Antara penglibatannya dalam lakonan adalah Awal dan Mira (1998), Nasib (2001) serta Noraini (2001).



BAHARUDDIN BAHRIN BIN RAMLI - watak Awang Sejambul Lebat di pegang oleh beliau sebagai satu cabaran kerana ianya berkaitan dengan tarian serta nyanyian. Di ASK beliau dikenali sebagai pereka set dan prop selain pernah terlibat dengan produksi lain sebagai pelakon.



MOHAMMAD HARIRY BIN ABDUL JALIL - walaupun bukan orang Kelantan dan bukan pelawak tetapi selaku Peran Tua beliau berhasrat melakukan sesuatu yang terbaik. Mendapat pendidikan dalam bidang



NOOR EMELIA BT MOHD SAAD - selaku **Permaisuri Selidungan Bulan** dalam Dewa Muda. Baginya watak ini amat mencabar dan menguji ketahanan mental serta fizikalnya. Produksi ini merupakan penglibatannya yang pertama dalam bidang lakonan kerana beliau adalah pelajar Program Penulisan Tahun II.



YUZI MALINI NIK MAT ZIN - watak **Mak Inang Bongsu** ini mencabar dan memberi pengalaman baru baginya. Penglibatan seninya adalah Awal dan Mira serta Bangsawan Alang Buana sebagai pelakon, Siti Zubaidah dan Tun Perak selaku urusetia, Tari 2000, I Remember The Rest House, Mak Yong Raja Tangkai Hati selaku petugas di sebalik tabir.



DZELLFA ZAINAL ABIDIN - (pelajar separuh masa) Watak **Inang Tua** baginya adalah satu watak yang penting untuk menimbulkan "comic relief" dalam pementasan Dewa Muda ini. Beliau tiada latihan secara formal dalam bidang seni tetapi pernah terlibat dalam pementasan di Peringkat Sekolah dan Universiti. Mula belajar mak yong di bawah Seniwati Khatijah Awang semasa di Academy Actor's Studio.



MOHD HADY MOHD TAHIR - "Sudah duo kali tok wok pege watok ni, tapi tok wok raso so far so good. Buke sene nok kecek kelate pulok tu... soro ore tuo. Sampai tok wok belajar denge Arwah Pok Hamzah" itulah dia kata-kata Wak

penari dan inang

Pauline anak Santok
Zamzuriah Zahari
Rozila Abd Rahman
Nor Hazlinda Harmaini
Sariza Samsudin
Mohd Firdaus Mustapha Kamal
Isa Romtie

wak tukang

Lugmanul Haki Mohd Din
Isa Romtie
Mohd Fauzi Rais

pemuzik

Ibrahim Senik	-	Rebab dan Serunai
Che Mohd Nasir Yusof	-	Gendang Ibu
Isyam Swardy Daud	-	Gendang Anak
Mohd Kamarul Bahri Husin	-	Pengawal Muzik
Alina Rahman	-	Tetawak
Mohd Razif Nizam Abdullah	-	Canang 1
Bahizal Abu Bakar	-	Canang 2
Ismail Mamat	-	Kesi

jawatankuasa penyelararas produksi teater Mak Yong “Dewa Muda 2”

penaung	: Pn. Norliza Rofli
penasihat	: Cik. Norizah Arshad : En. Joseph Gonzales : En. Ramlan Imam
penyelaras projek	: En. Zakaria Ariffin
publisiti & pemasaran	: Cik. Mardiana Ismail : Cik Noraini Harun : En. Rosman Ishak : En. Alexander Wong
kebijakan & logistik	: En. Mohd Razif Rahman : Pn. Siti Fatimah Othman
panggung	: En. Mohd Kamarulzaman Taib
kewangan & tiket	: Pn. Nor Aliza Ahmad : En. Addly Abd. Karim : Cik. Rohsenai Lizei Nadzir : Cik. Norazimah Mohd. Yusof : Cik Hashinah Abd. Karim
pameran	: En. Md. Juara Salleh : Cik. Aziah Md. Kasim : Pn. Mariani Zin
jemputan / protokol dan penyambut tetamu	: En. Kamarulzaman Taib : Pn. Raja Nor Sheela Raja Aziddin : Pn. Thalathiah Awang : Cik. Rohsenai Lizei Nadzir : Cik. Norazimah Mohd. Yusof : En. Ghazali Abdullah : Cik Noremilia Kamaruddin
pengangkutan	: En, Addly Abd. Karim : En. Sulaiman Mamat : En. Tarmim Othman

tenaga produksi

pengurus produksi	- Mardiana Ismail
pembimbing lakonan	- Engku Normalareesa Engku Malik
pereka tari	- Norhayati Zakaria
pengarah muzik	- Mohd Kamarul Bahri Husin
pengarah teknikal	- Azizul Zahid Jamal
pengurus pentas	- Zurairi Hanip
pem. pengurus pentas	- Nooraizan Mamat
pereka set dan prop	- Shahrul Mizad Ahaari - Baharudin Bahrin Ramli
penyelaras kostum dan solek	- Rosman Ishak
pem. kostum dan solek	- Amy Haryani Abd Hamid - Shariful Akma - Siti Aida Ayub - Engku Nor Zalifah - Engku Abd. Rased - Abdul Sham Abd Razak
pereka tatacahaya	- Mohd Hafiz Hussin
pem. penataan cahaya	- Soffian Mohammad - Jabat Majilon
penataan bunyi	- Shahril Nizam - Ho Kok Keong
pengurus publisiti dan percetakan	- Mardiana Ismail - Nooraini Harun
publisiti dan percetakan	- Sariza Samsudin - Mohd Fauzi Rais - Amira Saryati Mohd Hatta - Nor Aizam Ghalib

pengurus panggung	-	Salmah Osman
pem. pengurus panggung	-	Ismaliza Ishak
	-	Intan Carina
	-	Abdul Karim
	-	Shaiful Bakhtiar
	-	Shaaban
	-	Afni Juliani
	-	Mohammad
dokumentasi	-	Rosli Taib
pameran	-	Mohd Fauzi Rais
	-	Zuriah Mohamad
	-	Nor Aizam Ghalib
	-	Hanimah Shamsudin
logistik	-	Baidah Abu Shaa'id
	-	Lydia G.J Kimsin
pembantu pentas	-	Mohd Nazar
Kamarudin	-	Sharizan Sahamat
	-	Khairul Anuar Ramli
	-	Mohd Azrul Razilah
	-	Azman @ Mohd Nor
	-	Muhammudin
	-	Md Nizam Abd Rahman

imbas kembali

anak raja gondang 1 (1997 - panggung eksperimen)

raja besar serendah sepagar ruyung	-	Juhara Ayub
anak raja gondang	-	Norzizi Zulkifli
puteri gerak jetra	-	Ekiza Mustafa
peran tua	-	Sabri Md Zain
peran muda	-	Rosden Subuh
wak petanda raja	-	Abu Bakar Sulaiman

anak raja gondang 2

(28-29 mac 1998 - laman ask jam 8.30 malam)

raja besar serendah sepagar ruyung	-	Rohimi Sobeng
	-	W. Zalina Rajali
anak raja gondang	-	Dorothy Jonathan
	-	Linggang
puteri gerak jetra	-	Zainatul Shuhaida
	-	Abdul Rahman
peran tua	-	Mohd Irizal
	-	Husni Musa
peran muda	-	Hazli Hassan
wak petanda raja	-	Sabri Ahmad
raja naga	-	Abdul Rafar
	-	Mohammad
raja gergasi	-	Shahili Abdan

anak raja tangkai hati

(2-3 april 1999 - panggung eksperimen jam 8.30 malam)

ayahanda alur mengkuang	-	Siti Rohana
		Abdul Jalil
puteri bota	-	Musaffah Roslan
wak nakhoda	-	Hasmadi Hassan
dewa bentara guru	-	Zairul Akhri Ali
nenek ikan jerung	-	W. Hazelinda
		Mohamed

dewa muda 1

(1-4 april 2000 - panggung eksperimen jam 3.00 jam 8.30 malam)

dewa muda	-	Amy Haryani
puteri ratna mas	-	Nor Atiqah Ali
awang si jambul lebat	-	Shariful Akma
		Abdullah
permaisuri selindung bulan	-	Khatijah Tan
peran tua	-	Zul Huzaimy
		Marzuki
		Mohd Eyzendy
peran muda	-	Rosli Mohd Taib
		Wan Kanari
Ibrahim	-	Shahanaros
mak inang	-	Baharuddin
inang bongosu	-	Bahrin
		Ramli
wak tukang bongosu	-	Mod Hady
		Mohd Tahir

belangsungkawa

Khatijah Awang dilahirkan pada 13 Ogos 1941 di Pasir Mas, Kelantan. Bermula pada tahun 1955 beliau belajar tarian daripada ibu mertuanya yang juga emak sepupunya, Che Kemala. Beliau juga pernah belajar rentak dan bunga tari Mak Yong daripada Mak Nad Raja, iaitu isteri Tengku Temenggung, Mak Ngah Pak Sin Keroncong dan ramai lagi tokoh-tokoh Mak Yong serta tokoh seni tanahair yang terkenal dalam bidang masing-masing. Dalam teater Mak Yong, tarian serta nyanyiannya merupakan kekuatan utama dan menjadi induk untuk membuktikan bahawa Mak Yong adalah antara teater tradisional yang amat mencabar. Lantaran itu para pelajardi ASK bertuah kerana Allahyarhamah Khatijah Awang telah membimbing mereka pada tahun 1994 sehinggalah beliau kembali kerahmatullah pada 13 September 2000. Segala ilmu dan baktinya yang tercurah terhadap kesenian ini dianggap satu penghormatan. Lantaran itu beliau telah di anugerahkan beberapa gelaran dan pingat kebesaran antaranya anugerah ASEAN Performing Arts - 1987, Pingat Bakti - 1972, Pingat Peringatan Malaysia - 1976, Pingat Pangkuan Negara - 1977, Bintang Ahli Kelantan - 1988, Ahli Mangku Negara - 1999 dan akhir sekali Anugerah Seni Negara - 1999.

Semoga Allah Mencucuri Rahmat Ke Atas Rohnya.....

AL-FATIAH

Hamzah Awang Amat dilahirkan pada tahun 1940 di Kampung Kebakat, Tumpat, Kelantan. Beliau mula mempelajari seni wayang kulit semenjak berusia belasan tahun daripada pemerhatian terhadap persembahan di kampungnya. Beliau bersama rakan-rakannya pernah mengadakan persembahan wayang kulit di luar negara antaranya sempena European Tour (1971), Perancis, Italy, Switzerland dan banyak lagi negara luar. Beliau merupakan penerima Anugerah Seni Negara yang pertama pada 26 Oktober 1993 serta anugerah Ahli Mangku Negara (1996). Akademi Seni Kebangsaan telah melantik Pak Hamzah menjadi tenaga pengajar

seikhlas budi

Kem. Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Istana Budaya

RTM

TV3

Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad

Malay Mail

Berita Harian

Harian Metro

News Straits Times